



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**MESYUARAT ELEKTRONIK PEMEGANG SYER SEBAGAI
NORMA BAHARU SELEPAS COVID-19: MALAYSIA SUDAH
BERSEDIA?**

ELECTRONIC SHAREHOLDERS' MEETING AS A NEW NORM AFTER COVID-19: IS MALAYSIA READY?

Nor Hayati Abdul Samat^{1*}, Hasani Mohd. Ali², Ahmad Shamsul Abd Aziz³

¹ Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia
Email: as.yati@uum.edu.my

² Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: hmohdali@ukm.edu.my

³ Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia
Email: sham@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.11.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 10.12.2020

Published date: 31.12.2020

To cite this document:

Samat, N. H. A., Ali, H. M., & Abd Aziz, A. S. (2020). Mesyuarat Elektronik Pemegang Syer Sebagai Norma Baharu Selepas Covid-19: Malaysia Sudah Bersedia?. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 248-256.

DOI: 10.35631/IJLGC.5210020.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Mesyuarat elektronik pemegang syer ialah kaedah moden pengendalian suatu mesyuarat pemegang syer. Ketika ia mula diperkenalkan, masyarakat korporat kurang teruja untuk memanfaatkannya. Keadaan ini berubah apabila dunia berhadapan dengan wabak COVID-19. Apabila pergerakan manusia dikawal bagi memutuskan rangkaian jangkitan, syarikat melihat mesyuarat elektronik sebagai alternatif untuk mengadakan mesyuarat pemegang syer. Sama ada ia mampu berkekalan sebagai suatu norma baharu, dunia korporat boleh bergantung kepada pelbagai faktor. Penulisan ini menanalisis tiga perkara yang dianggap paling asas bagi menilai isu tersebut. Pertama ialah undang-undang yang dapat menjadi asas perlaksanaannya. Kedua ialah sokongan dari prasarana. Ketiga ialah keupayaan pemegang syer untuk mengambil bahagian di dalamnya. Di akhir perbincangan ini dirumuskan bahawa Malaysia mempunyai ketiga-tiga keperluan tersebut, sepertimana yang diketengahkan oleh penulisan ini. Oleh itu Malaysia sebenarnya telah bersedia untuk menerima mesyuarat elektronik sebagai norma baharu dalam penganjuran mesyuarat pemegang syer.

Kata Kunci:

COVID-19, Pengurusan Mesyuarat, Anggota Syarikat, Teknologi

Abstract:

Electronic shareholders' meeting is a modern method of conducting a shareholders' meeting. When it was first introduced, the corporate community was less excited to take advantage of it. This situation changed when the world faced the COVID-19 pandemic. When human movement is being controlled to break the chain of infections, companies see electronic meetings as an alternative to hold shareholder meetings. Whether it can survive as the new norm of the corporate world depends on various factors. This paper analyse three things deem fundamental in assessing the issue. First is the law that can be the basis of its implementation. The second is support from infrastructure. The third is the ability of shareholders to participate in it. At the end of this discussion, it is concluded that Malaysia has all three requirements as forwarded by this paper. As such, Malaysia may be considered ready to accept electronic meetings as a new norm in organising shareholders' meetings.

Keywords:

COVID-19, Management Of Meeting, Company's Members, Technology

Pengenalan

Ketika mesyuarat elektronik mula diperkenalkan oleh badan perundangan pelbagai negara sebagai kaedah alternatif untuk mengadakan mesyuarat pemegang syer, masyarakat tidak begitu teruja dengannya. Walaupun secara dasarnya, mereka memprakui idea tersebut, tetapi telah terbukti bahawa masa diperlukan untuk merealisasikannya. Masyarakat korporat agak skeptikal terhadap prospek menggantikan pertemuan fizikal yang telah diamalkan secara tradisi kepada pertemuan di alam siber tanpa kehadiran bersama. Respon dingin ini tidak bersifat kewilayahan apabila ia turut terjadi di negara-negara maju. Sebagai contoh di Amerika Syarikat, hanya 12 syarikat yang mengadakan mesyuarat elektronik bagi tempoh 10 tahun awal pengenalannya (Fairfax, 2010). Di United Kingdom, penggunaan teknologi bagi mengadakan mesyuarat diperkenalkan di bawah Akta Syarikat 2006 melalui pindaan 2009 (The National Archives of UK, t.t.). Namun begitu, mesyuarat maya pertama di United Kingdom hanya diadakan pada tahun 2016 (Business Wire, t.t.). Malaysia turut melalui tempoh yang panjang untuk menerima mesyuarat elektronik. Ia diperkenalkan pada tahun 2007 tetapi mesyuarat hybrid pertama hanya dilaporkan berlangsung pada tahun 2019 (BERNAMA, 30 April 2020).

Namun begitu, sikap berhati-hati penuh waspada masyarakat korporat berubah dengan bermulanya penularan COVID-19 di akhir tahun 2019. Di ketika itu, tiada siapa yang menyangka, wabak yang bermula di Wuhan itu bakal mengubah gaya hidup manusia. Apabila keadaan ini makin memburuk dan bertukar menjadi pandemik, kerajaan beberapa negara di dunia mula menyekat pergerakan harian rakyatnya. Di Malaysia, kerajaan mengambil langkah yang sama apabila jumlah jangkitan mencecah kepada 553 kes. Perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dikeluarkan dan perintah tersebut berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 (Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 16 Mac 2020). Seterusnya ia membawa kepada polisi berkerja dari rumah yang dimulakan dengan arahan berbuat demikian bagi kakitangan awam (Jabatan Perkhidmatan Awam, 17 Mac 2020). Rentetan daripada dua pengumuman penting tersebut, dunia korporat mula memberi perhatian kepada penganjuran mesyuarat secara elektronik dengan lebih terbuka. Ini adalah kerana kebanyakan syarikat terutamanya syarikat yang tersenarai telah mula merancang dan bersedia untuk memenuhi kewajipan berkanun mereka

iaitu mengadakan mesyuarat agung tahunan. Tambahan pula mesyuarat secara elektronik menjadi kaedah penganjuran mesyuarat pemegang syer yang disarankan di dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi melalui tempoh PKP.

Masalah pandemik COVID-19 ini dan kesan yang dibawa olehnya, tidak akan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Oleh itu, mesyuarat elektronik bukanlah langkah sementara bagi suatu tempoh khusus. Dunia korporat harus menerima bahawa mesyuarat elektronik adalah norma baharu dalam mengadakan mesyuarat pemegang syer. Dengan kata lain, ia menjadi sebahagian daripada kehidupan dunia perniagaan. Persoalannya, adakah Malaysia telah bersedia untuk berhadapan dengan realiti ini? Penulisan ini akan mendalami isu tersebut. Perbincangan akan dimulakan dengan mentakrifkan maksud mesyuarat elektronik dalam konteks pemegang syer. Seterusnya, penulisan ini akan menganalisis tiga perkara yang boleh dianggap asas bagi menjawab isu tersebut. Perkara-perkara tersebut ialah undang-undang yang menjadi tulang belakang kepadanya, kemampuan masyarakat Malaysia untuk menyertainya dan prasarana yang akan membantu perlaksanaannya.

Mesyuarat Elektronik Pemegang Syer

Mesyuarat dari sudut bahasa membawa maksud pertemuan untuk membincangkan sesuatu atau mencapai sesuatu keputusan (DBP, 2010). Mesyuarat juga bermaksud perbuatan datang bersama-sama ke suatu tempat yang sama bagi menjalankan sesuatu urusan. Mesyuarat secara tradisinya memerlukan kehadiran fizikal orang yang dipanggil untuk bermesyuarat. Mereka perlu hadir bersama-sama di suatu tempat, pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat. Manakala “pemegang syer” bagi maksud perbincangan ini merujuk kepada anggota syarikat sepertimana yang ditakrifkan oleh seksyen 2 Akta Syarikat 2016 (Akta 777). Oleh itu mesyuarat pemegang syer di sini, merujuk kepada pertemuan anggota syarikat di suatu tempat, pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan oleh syarikat untuk menjalankan urusan-urusan tertentu mengikut keperluan Akta 777. Mesyuarat pemegang syer ini juga disebut sebagai mesyuarat anggota atau mesyuarat agung.

Konsep mesyuarat tradisional ini walau bagaimanapun, telah dapat diperluaskan dewasa ini. Pemegang syer tidak lagi perlu hadir bersama-sama di suatu tempat. Malah mesyuarat boleh berlangsung tanpa sebarang lokasi spesifik. Kaedah ini mampu dicapai dengan penggunaan teknologi komunikasi (*Byng lwn. London Life Association Ltd. [1990] 1 Ch.170*). Mesyuarat yang menggunakan teknologi bagi memenuhi konsep asalnya sehampir mungkin inilah yang akan dirujuk sebagai mesyuarat elektronik bagi maksud penulisan ini.

Secara dasarnya terdapat pelbagai bentuk mesyuarat elektronik pemegang syer yang dapat diwujudkan. Ia selaras dengan maksud teknologi itu sendiri yang begitu luas. Teknologi adalah benda-benda ciptaan manusia (Brey, 2009), termasuklah sistem, perisian, aplikasi dan peranti. Namun begitu, Beuthel (2006) membahagikan mesyuarat elektronik pemegang syer kepada tiga kategori. Pertama ialah tele-mesyuarat pemegang syer (*tele-shareholders' meeting*). Mesyuarat jenis ini ialah mesyuarat di beberapa lokasi fizikal yang dihubungkan antara satu sama lain dengan sidang video dan peralatan alat pandang-dengar. Kategori kedua ialah mesyuarat pemegang syer secara maya (*virtual shareholders' meeting*). Mesyuarat jenis ini adalah mesyuarat yang dijalankan sepenuhnya di alam siber tanpa sebarang lokasi. Mesyuarat kategori terakhir ialah mesyuarat pemegang syer dalam talian (*online shareholders' meeting*). Mesyuarat ini merupakan mesyuarat hybrid iaitu gabungan lokasi fizikal dan teknologi yang membolehkan berlakunya penyertaan jauh (*remote participation*). Bagi menilai sama ada masyarakat Malaysia telah bersedia untuk menjadikan mesyuarat-mesyuarat sebegini sebagai

prospek amalan biasa di masa hadapan, perkara utama yang perlu dianalisis ialah peruntukan undang-undang yang dapat menyokong amalan tersebut.

Undang-undang dan Mesyuarat Elektronik Pemegang Syer di Malaysia

Mesyuarat elektronik pemegang syer diperkenalkan kepada dunia perundangan Malaysia bermula pada tahun 2007, menerusi Akta Syarikat (Pindaan) 2007 (Akta A1299). Di bawah statut tersebut, seksyen 145A yang terpakai ketika itu telah dipinda seperti berikut:

“A company shall hold all meetings of its members within Malaysia and may hold a meeting of its members within Malaysia at more than one venue using any technology that allows all members a reasonable opportunity to participate”

Peruntukan ini bagaimanapun telah dimodifikasi di bawah Akta 777. Seksyen 327 Akta 777 yang beroperasi ketika ini memaktubkan seperti berikut:

“(1) Subject to the constitution, a company may convene a meeting of members at more than one venue using any technology or method that enables the members of the company to participate and to exercise the members’ rights to speak and vote at the meeting.

(2) The main venue of the meeting shall be in Malaysia and the chairperson shall be present at that main venue of the meeting.”

Analisis ke atas dua peruntukan tersebut mendapati bahawa tiada berlaku sebarang perubahan dari sudut polisi yang dibawa oleh kedua-dua peruntukan tersebut. Undang-undang meluaskan konsep mesyuarat dengan membenarkan mesyuarat diadakan di beberapa lokasi berbeza. Bagi mencapai maksud tersebut, syarikat boleh memanfaatkan kemajuan teknologi dan menggunakan apa-apa kaedah untuk maksud tersebut. Akhirnya, dalam apa-apa juga keadaan, hak-hak pemegang syer untuk menyertai, bersuara dan mengundi perlu sentiasa kekal terpelihara.

Pada masa yang sama, seksyen 327 Akta 777 juga membawa beberapa perubahan. Perubahan pertama ialah penetapan tempat utama mesyuarat. Perubahan ini merupakan suatu penambahbaikan. Ini adalah kerana, ia memberi penerangan yang lebih jelas bagaimana mesyuarat elektronik di beberapa tempat dapat diselenggarakan. Keduanya, perkataan “munasabah” telah dipadamkan daripada peruntukan yang membenarkan mesyuarat elektronik untuk diadakan. Tidak dapat dipastikan sama ada ia bermaksud bahawa pemakaian ujian kemunasabahan dalam menganjurkan mesyuarat elektronik pemegang syer turut terhenti. Selain itu, persoalan isu yang lebih kritikal sama ada di bawah seksyen 145A ataupun seksyen 327 ialah skop penggunaan teknologi yang dibenarkan oleh undang-undang. Persoalan ini timbul berikutan dengan penggunaan perkataan “tempat” di dalam peruntukan tersebut. Perkataan “tempat” atau “venue” merujuk kepada suatu ruang atau kawasan yang bersifat fizikal (DBP, 2010). Selain daripada itu, belum dapat dipastikan sama ada masyarakat Malaysia bersedia untuk menerima konsep “kehadiran maya” (Natale, 2002), bagi menentukan aliran pendekatan yang akan digunakan bagi mentakrifkan perkataan “tempat” tersebut.

Walaupun isu-isu tersebut wujud dari perspektif falsafah undang-undang berkaitan mesyuarat, dari sudut amalan korporat, jalan penyelesaian boleh dikenal pasti bagi meneruskan kelangsungan urusan seharian. Buktinya, ketika PKP diisytiharkan di negara ini, Suruhanjaya

Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan suatu Nota Panduan Penganjuran Mesyuarat Agung Penerbit Terserai (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2020). Di bawah Nota Panduan ini, syarikat-syarikat yang diniagakan di Bursa Malaysia disarankan untuk menganjurkan mesyuarat pemegang syer secara maya. Bagi memenuhi keperluan seksyen 327 (2) Akta 777, tempat penyiaran hendaklah dianggap sebagai tempat mesyuarat utama. Oleh itu dapatlah dianggap bahawa, mesyuarat elektronik pemegang syer mempunyai asas undang-undang yang memadai untuk dijadikan norma baharu bermesyuarat. Ia termasuklah kebolehan menggunakan peranti, aplikasi dan internet.

Sokongan Prasarana

Perkara kedua yang patut dipertimbangkan dalam menjadikan mesyuarat elektronik pemegang syer sebagai suatu amalan yang konsisten, isu berkaitan prasarana juga perlu diambil kira. Tanpa prasarana yang stabil, penganjuran mesyuarat pemegang syer secara elektronik menjadi agak sukar. Dalam membincangkan isu prasarana, penulisan ini akan memberi tumpuan kepada salah satu komponen penting perlaksanaannya iaitu capaian internet melalui perkhidmatan jalur lebar. Tanpa capaian internet yang baik kelancaran mesyuarat dengan mudah boleh mengalami gangguan.

Sejarah capaian internet di Malaysia telah melalui perjalanan yang jauh tetapi patut diselusuri semula. Capaian internet di negara ini bermula pada tahun 1990-an (BERNAMA, 20 Jun 2019). Ia bermula dengan teknologi mudah alih generasi pertama 1G yang hanya menyokong panggilan suara, ia bergerak kepada 2G yang menambah perkhidmatan kepada penghantaran teks iaitu pesanan ringkas atau *Short Message Service* (SMS) dan *Multimedia Message Service* (MMS). Teknologi ini berkembang terus kepada 3G yang mempertingkatkan perkhidmatan kepada video dan capaian internet mudah alih. Seterusnya ia bergerak kepada generasi ke-4 atau 4G yang melebarkan perkhidmatan kepada lain-lain capaian yang memerlukan kelajuan tinggi (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 16 April 2019).

Perkembangan teknologi jalur lebar ini sangat berkait rapat dengan inisiatif kerajaan Malaysia yang berterusan. Strategi Pelaksanaan Jalur Lebar Negara atau lebih dikenali sebagai Pelan Jalur Lebar Negara (NBI) adalah suatu strategi yang dapat mengembangkan penggunaan jalur lebar ke seluruh negara (MyGovernment, t.t). Kerancangan kemajuan teknologi ini di Malaysia dikatakan bertitik-tolak kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad (BERNAMA, 21 Jun 2019). Kerajaan Malaysia turut memperkenalkan pelbagai pelan tindakan bagi memastikan Malaysia mencapai kadar penembusan internet yang baik. Tambahan pula kelajuan internet yang tinggi sangat diperlukan bagi membolehkan Malaysia melalui Revolusi 4.0. Sehubungan dengan itu Malaysia kini bergerak ke arah teknologi generasi ke-5.

Usaha kerajaan yang berterusan ini telah memperlihatkan hasilnya. Menurut perangkaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), kadar penembusan jalur lebar bagi setiap 100 penduduk pada tahun 2009 ialah 6.2%. Angka ini telah meningkat kepada 121.11% pada tahun 2018. Sementara itu, menurut Laporan Speedtest Global Index Ookla pada Februari 2019, mencatatkan kelajuan muat turun jalur lebar tetap di Malaysia secara purata adalah 64.51 Megabit sesaat (Mbps). Manakala pada tahun 2018 ia berada dalam kelajuan 22.26 Mbps. Peningkatan ini meletakkan Malaysia di kedudukan ke-32 di dunia, berbanding dengan kedudukan ke-56 pada tahun 2017 (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 16 April 2019). Berdasarkan fakta-fakta tersebut, Malaysia boleh dianggap mempunyai prasarana yang cukup untuk merealisasikan norma baharu tersebut.

Walau bagaimanapun, suatu perkara yang perlu diberikan perhatian ialah kelajuan muat turun dalam capaian internet. Peningkatan trafik dalam konteks jumlah pengguna boleh memberi kesan kepadanya. Fakta ini terbukti semasa tempoh awal PKP di negara ini. Muat turun 4G menurun daripada 13.4 Mbps (awal Februari 2020) ke 8.8 Mbps (23 – 29 Mac 2020) (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 9 April 2020). Jika Malaysia benar-benar serius untuk menjadikan mesyuarat elektronik sebagai norma baharu penganjuran mesyuarat, maka kelajuan muat turun perlu distabilkan dan liputan capaian internet harus diperluaskan. Berdasarkan strategi 5 Belanjawan Negara 2021, Kerajaan Malaysia telah menzahirkan komitmen untuk meningkatkan kesalinghubungan digitan\ Malaysia. Sejumlah 7.4 bilion ringgit akan diperuntukkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi tempoh 2021-2022, untuk tujuan memperluas perkhidmatan jalur lebar (Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, 6 November 2020). Oleh yang demikian, penulisan ini merumuskan bahawa Malaysia berada pada landasan yang betul dan memastikan negara ini mempunyai prasarana yang munasabah untuk melaksanakan norma baharu pengurusan mesyuarat tersebut.

Keupayaan Pemegang Syer di Malaysia

Aspek terakhir yang perlu dikaji dalam menentukan kesediaan Malaysia untuk menjadikan mesyuarat elektronik sebagai norma biasa dalam urusan ialah pemegang syer itu sendiri. Pemegang syer perlu kompeten dan mampu mengendalikan teknologi agar dapat menyertai mesyuarat secara elektronik. Bagi menentukan perkara tersebut, analisis dibuat ke atas data dan maklumat berkaitan pelabur dan pengguna internet di Malaysia.

Berdasarkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2018, gambaran umum berkaitan dengan pihak yang akan mengambil bahagian di dalam mesyuarat elektronik pemegang syer dapat dikenal pasti. Menurut laporan tersebut, pelabur runcit masih mendominasi jumlah pelabur di dalam syarikat-syarikat di Malaysia. Pelabur runcit membentuk 54% dari jumlah keseluruhan pelabur di Malaysia. Demografi umur pelabur-pelabur individu menunjukkan bahawa pelabur berumur 35 hingga 45 tahun membentuk 36% daripada jumlah keseluruhan. Ia diikuti oleh pelabur berumur di bawah 35 tahun yang membentuk 35% daripada jumlah keseluruhan. 15% pelabur adalah dari kalangan individu yang berumur melebihi 55 tahun. Akhir sekali, 14% pelabur dari kalangan individu berumur 46 hingga 55 tahun (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2018). Maklumat tersebut ditunjukkan melalui Jadual di bawah.

Jadual 1: Demografi Umur Pelabur Individu

Umur Pelabur Individu	Peratusan (%)
Bawah 35 tahun	35
35 – 45 tahun	36
46 – 55 tahun	14
Melebihi 55 tahun	15

Sumber: Laporan Tahunan 2018, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Berdasarkan statistik tersebut, majoriti pelabur individu adalah dalam kalangan mereka yang berumur 35 tahun ke atas.

Bagi menentukan golongan ini berupaya untuk menyertai mesyuarat elektronik, rujukan boleh dibuat ke atas demografi umur pengguna internet. Secara keseluruhan, rekod menunjukkan bahawa sejumlah 28.7 juta pengguna internet pada tahun 2018, berbanding 24.5 juta pengguna

pada tahun 2016. Ia merupakan petunjuk kepada suatu peningkatan sebanyak 10.5%. Data demografi umur pengguna internet menunjukkan bahawa pengguna internet yang berumur 35 tahun ke atas merupakan 46.6% daripada jumlah keseluruhan pengguna internet. Walaupun peratusan pengguna internet yang berumur 35 tahun ke bawah adalah lebih tinggi, tetapi jurang antara kedua kelompok umur pengguna ini sangat kecil. Fakta yang lebih mengujakan ialah, peratusan pengguna internet di dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas, menunjukkan peningkatan yang agak tinggi. Pada tahun 2016, jumlah peratusan pengguna internet dalam lingkungan umur ini adalah 8.7%. Pada tahun 2018, ia meningkat kepada 18.1%. Maklumat penuh statistik tersebut dapat dilihat melalui jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Pengguna Internet Berdasarkan Umur

Kategori Umur	2014	2016	2018
Bawah 15	1.6	0.4	0.5
15 – 19	13.9	12.6	7.6
20 – 24	24.2	21.4	15.6
25 – 29	19.3	16.7	14.3
30 – 34	13.1	15.4	15.3
35 – 39	8.7	10.5	10.6
40 – 44	7.3	8.0	10.8
45 – 49	4.6	6.2	7.1
50 dan ke atas	7.3	8.7	18.1

Sumber: Internet Users Survey 2018

Peningkatan ini bagaimanapun suatu fakta yang boleh dijangka dengan mengambil kira pergerakan umur para pengguna. Selain itu Laporan Digital 2018 menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke-9 aktif di media sosial dan di tangga ke-5 dalam penggunaan e-dagang (Ili Hadri Khalil, 30 Januari 2018). Manakala Laporan Digital 2019 pula menunjukkan bahawa Malaysia memperkukuhkan pencapaian dengan menduduki tempat ke-4 dunia dan teratas di Asia Tenggara, untuk penembusan media sosial, Malaysia juga dilaporkan mengatasi Singapura dalam perbankan mudah alih (Ismail Sualman, 12 Mei 2019). Data-data ini membawa kepada suatu rumusan yang paling penting iaitu pemegang syer di Malaysia boleh dianggap berkeupayaan untuk mengendalikan teknologi yang berkaitan dengan mesyuarat elektronik.

Kesimpulan

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa, mesyuarat elektronik pemegang syer merupakan mesyuarat pemegang syer yang tidak dijalankan dalam kaedah lazimnya. Ia dijalankan dengan menggunakan teknologi tanpa kehadiran fizikal. Berhadapan dengan bencana kesihatan seperti COVID-19, mesyuarat ini boleh menjadi alternatif bagi meneruskan urusan berkanun syarikat. Sama ada kaedah mesyuarat ini dapat dijadikan norma baharu dunia korporat pada masa hadapan, ia bergantung kepada tiga perkara. Pertama ialah sokongan dari sudut undang-undang. Keduanya ialah sokongan dalam bentuk prasarana. Akhir sekali ialah keupayaan pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian. Berdasarkan analisis di atas, Malaysia mempunyai semua keperluan tersebut. Walaupun ia mungkin bukan sesuatu yang sempurna, tetapi cukup untuk menjadi suatu permulaan yang kukuh. Terpulang kepada syarikat, lembaga pengarah dan pemegang syer di Malaysia untuk memanfaatkannya.

Rujukan

- BERNAMA. (30 April 2020). Bursa Malaysiasyarikat pertama adakan AGM secara maya. *Berita Haria Online* <
<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/683410/bursa-malaysia-syarikat-pertama-adakan-agm-secara-maya> (20 Oktober 2020).
- BERNAMA. (20 Jun 2019). Berita media Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia <https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=15245:bernama-20-jun-2019-internet-nadi-penggerak-pelbagai-sektor&catid=118&lang=en&Itemid=589
- BERNAMA. (21 Jun 2019). Internet kini nadi jadi penggerak pelbagai sektor. *Sinar Harian* <<https://www.sinarharian.com.my/artikel/33615/BERITA/Nasional/Internet-kini-nadi-jadi-penggerak-pelbagai-sektor> (2 November 2020).
- BERNAMA. (21 Jun 2019). Internet kini nadi jadi penggerak pelbagai sektor <<https://www.sinarharian.com.my/article/33615/BERITA/Nasional/Internet-kini-nadi-jadi-penggerak-pelbagai-sektor> (2 November 2020).
- Beuthel, B. 'Electronic Corporate Governance: Online and Virtual Shareholder Meetings and Shareholder Participation in Switzerland and Germany' Dissertation for Doctor of Business Administration, Graduate School of Business Administration, Economics, Law and Social Sciences, the University of St. Gallen Zurich (2006) <http://www1.unisg.ch/www/edis.nsf/SysLkpByIdentifier/3195/SFILE/dis3195.pdf> (6 Februari 2019)
- Brey P. 2009. 'Philosophy of Technology Meets Social Constructivism: A Shopper's Guide' dalam *Readings in the Philosophy of Technology*, Edisi ke-2 Edited by David M. Kaplan. Lanham: Rowman & Littlefield Publishers
- Business Wire, Jimmy Choo Finds the Perfect Fit for First UK Electronic AGM <<https://www.businesswire.com/news/home/20160719005916/en/Jimmy-Choo-Finds-Perfect-Fit-UK-Electronic> (22 September 2020).
- DBP, 2010, *Kamus Dewan* (Edisi 4), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Fairfax, L.M. (2010). Virtual Shareholder Meetings Reconsidered, *Seton Hall Law Review*, Vol. 40, No. 1367 < http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=178729 > (9 Mac 2012).
- Ili Hadri Khalil. (30 Januari 2018). Malaysia negara ke-9 paling aktif media sosial, ke-5 paling ramai guna e-dagang – Laporan. *Astro Awani* < <https://astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke-9-paling-aktif-media-sosial-ke-5-paling-ramai-guna-e-dagang-laporan-166998> (8 November 2020).
- Ismail Sualman. (12 Mei 2019). Malaysia obses media sosial. *Sinar Harian* <<https://www.sinatharian.com.my/aticle/27675/KOLUMNIS/Malaysia-obses-media-sosial> (14 November 2020).
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia, (16 Mac 2020), *Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai COVID-19* < <https://www.pmo.gov.my/2020/10/teks-ucapan-perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-situasi-semasa-COVID-19/> (2 November 2020).
- Jabatan Perkhidmatan Awam. Surat Edaran JPA <<https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/se17032020.pdf> (8 November 2020).
- Jessica M. Natale, 'Exploring Virtual Legal Presence: The Present and the Promise' (2002) Vol. 1 No. 1 *Journal of High Technology Law* 157 <<http://www.jhtl.org/docs/pdf/JNATALEV1N1N.pdf>> (16 Februari 2012).
- MyGovernment. Inisiatif Jalur Lebar <<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30847?language=my> > (10 November 2020).

- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Laporan Tahunan 2018 <
<https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=782c1444-ef2c-44c9-97e1-80d65bcd457b> (23 September 2020).
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Internet Users Survey 2018 Statistical Brief Number Twenty-Three <
<https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018.pdf> (21 September 2020),
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 16 April 2019. MCMC Terus Mencorak Landskap Digital di Malaysia < <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-releases/mcmc-terus-mencorak-landskap-digital-di-malaysia> (7 November 2020).
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Perubahan corak penggunaan pengaruhi kelajuan internet di Malaysia – SKMM < <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/perubahan-corak-penggunaan-pengaruhi-kelajuan-inte> (7 November 2020).
- Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. (6 November 2020). Ucapan Penuh Belanjawan 2021. *Berita Harian Online* <
<https://bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/751024/ucapan-penuh-belanjawan2021> (9 November 2020).
- The National Archives of UK Companies Act 2006 <
[https://www.legislation.gov.uk/ukpga/2006/46/section/360A#:~:text=%5BF1360AElectronic%20meetings%20and%20voting&text=\(1\)Nothing%20in%20this%20Part,speak%20and%20vote%20at%20it.](https://www.legislation.gov.uk/ukpga/2006/46/section/360A#:~:text=%5BF1360AElectronic%20meetings%20and%20voting&text=(1)Nothing%20in%20this%20Part,speak%20and%20vote%20at%20it.) (22 September 2020).